



**USM** UNIVERSITI  
SAINS  
MALAYSIA



**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN**

**SIDANG AKADEMIK 2020/21**

**HFF 224- PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

**CADANGAN PROPOSAL**

**PENYEBARAN BERITA PALSU MENGGUGAT PERPADUAN DAN  
KEHARMONIAN SEJAGAT**

**DISEDIAKAN OLEH:**

<b>BIL</b>	<b>NAMA PENUH</b>	<b>NOMBOR MATRIK</b>
<b>1.</b>	<b>MUHAMMAD HAKIM BIN ABDUL HAMID</b>	<b>148763</b>
<b>2.</b>	<b>MUHAMMAD FIKRY BIN ABDUL RAHIM</b>	<b>146724</b>
<b>3.</b>	<b>NUR DIHANIS SOFEA BINTI MD RUSDI</b>	<b>148536</b>
<b>4.</b>	<b>ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS</b>	<b>148634</b>
<b>5.</b>	<b>NUR ATHIRAH BINTI CHE ZAMBELI</b>	<b>148249</b>

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**DR. AL-AMIN**

## **1.0 PENGENALAN**

Kemajuan teknologi pada masa kini dilihat semakin berkembang pesat di seluruh dunia tidak kira dalam negara kita Malaysia mahupun negara luar. Secara umumnya, teknologi adalah keseluruhan sarana untuk menyediakan barang-barang yang diperlukan bagi kelangsungan, dan kesejahteraan hidup manusia. Teknologi maklumat dan komunikasi adalah satu istilah umum yang menerangkan sebarang teknologi yang membantu menghasilkan, memanipulasi, menyimpan, berkomunikasi atau menyebarkan maklumat yang melibatkan teknologi komputer serta perpindahan dan perkongsian maklumat dalam kehidupan.

Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana terdiri daripada masyarakat berbilang kaum. Kaum-kaum utama seperti Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban dan sebagainya dapat hidup dalam keadaan harmoni. Banyak negara di dunia menjadikan Malaysia sebagai negara yang patut dicontohi kerana masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman walaupun berbilang bangsa, agama dan budaya. Perpaduan yang dibentuk merupakan asas perkembangan negara Malaysia untuk membangun dengan lebih pesat. Kecanggihan teknologi maklumat pada hari ini sepatutnya digunakan ke arah kebaikan terutama bagi menyampaikan maklumat yang boleh menyemai perpaduan antara kaum di Malaysia agar rakyat di negara ini dapat hidup harmoni. Namun begitu, perkembangan teknologi maklumat yang begitu pesat menyebabkan perpaduan yang dibentuk sedikit tergugat. Hal ini kerana terdapat sesetengah individu atau pihak yang mengambil peluang untuk memecahbelahkan perpaduan yang terbentuk dengan menyebarkan berita palsu.

Perkembangan teknologi maklumat ini menyebabkan banyak berita palsu dan bukan daripada sumber yang sahih yang menyentuh sensitiviti kaum telah mempengaruhi rakyat di dalam negara. Terdapat segelintir masyarakat hari ini terlalu taksud dengan paparan skrin telefon menyebabkan mereka terlupa cara untuk membuat penilaian baik atau buruk sesuatu perkara yang tersebar di alam maya.

## **2.0 PERMASALAHAN KAJIAN**

Isu penyebaran berita palsu dalam kalangan masyarakat sering menjadi buat mulut di negara kita. Keadaan ini terjadi disebabkan oleh sesetengah individu yang menyalahgunakan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi untuk kepentingan peribadi. Dalam konteks ini individu yang tidak bertanggungjawab akan memanipulasikan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi dengan mencipta akaun palsu bagi tujuan mencetuskan perbalahan antara kaum. Contohnya, ucapan kebencian berkaitan Covid-19 mula digunakan terhadap warganegara China. Hal ini dikatakan demikian kerana persepsi golongan tertentu bahawa punca dan penyebab virus ini datang dari negara China.

Selain itu, penyebaran berita palsu yang berleluasa akan memberi impak yang negatif terhadap masyarakat, negara dan dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana penyebaran sesuatu berita tanpa menyelidik kesahihan berita tersebut akan memberi kesan negatif dalam kalangan masyarakat. Contohnya, segentir masyarakat di seluruh dunia mempercayai bahawa pengambil ubat yang mengandungi methanol atau bahan peluntur mampu mengubati virus Covid-19. Keadaan ini telah menyebabkan kira-kira 800 orang di dunia telah meninggal dunia.

Permasalahan kajian yang terakhir ialah teknologi maklumat dan komunikasi mendorong kepada perbuatan salah laku kerana ramai yang kurang mengetahui bahawa perbuatan tersebut merupakan kesalahan. Hal ini dikatakan demikian kerana ramai yang tidak menganggap perbuatan menyebarkan berita palsu tanpa soal selidik merupakan kesalahan jenayah. Mereka juga menganggap perbuatan tersebut adalah perbuatan yang tidak membawa apa-apa kesan negatif kepada diri sendiri dan orang lain. Contohnya, seseorang individu menerima mesej dalam perantinya, kemudian menyebarkan mesej atau maklumat tersebut kepada kenalan atau ingin menjadi individu pertama yang menularkannya tanpa mengesahkan kesahihan maklumat tersebut. Perbuatan ini salah disisi undang-undang serta meninggalkan kesan yang buruk kepada orang lain.

### **3.0 OBJEKTIF**

- 1) Untuk menyenaraikan punca penyebaran berita palsu dalam kalangan masyarakat.
- 2) Untuk mengenal pasti kesan yang berlaku akibat penyebaran berita palsu.
- 3) Untuk menganalisis etika dan adab penggunaan Teknologi maklumat dan komunikasi dalam kalangan masyarakat.

### **4.0 KAEDAH KAJIAN**

#### **4.1 Borang soal selidik**

Kaedah yang kami gunakan dalam kajian ini adalah melalui borang soal selidik. Soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. Borang soal selidik digunakan untuk mengutip data dalam Kajian Tindakan secara formal dan sistematik.

#### **4.2 Pemerhatian**

Seterusnya, kaedah kajian yang kami gunakan adalah kaedah pemerhatian. Menurut pemerhatian kami terhadap peningkatan yang berlaku dari semasa ke semasa

tentang penularan berita palsu ini adalah disebabkan akses internet dan aplikasi platform media sosial yang semakin canggih. Kita dapat melihat bagaimana tersebar nya berita yang tidak benar pada masa ini berkaitan kes COVID-19. Penularan berita palsu ini menimbulkan keresahan dan panik dalam kalangan masyarakat. Jika kita perhatikan, rakyat Malaysia mudah unuk percaya sesuatu berita yang tidak benar dan menyebarkannya kepada yang lain tanpa usul periksa. Berita palsu yang disampaikan mendatangkan banyak perkara buruk kepada masyarakat dan negara. Baru-baru ini kita dapat lihat Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mula mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang tidak bertanggungjawab menyebarkan berita palsu mengenai COVID-19. Namun, langkah ini masih tidak menemui jalan penyelesaiannya. Oleh itu, kerjasama amat diperlukan daripada orang ramai agar tidak sewenang-wenangnya menyebarkan perkara-perkara yang belum sah yang boleh menimbulkan kebimbangan yang boleh menjejaskan keharmonian negara.

#### 4.3 Temubual

Akhir sekali, kami menggunakan kaedah temubual dalam kajian ini. Kami telah menjalankan temubual terhadap 10 orang responden yang terdiri daripada kalangan pelajar. Kami lebih memfokuskan kepada pelajar kerana pada peringkat umur ini yang memiliki banyak kemahiran berkaitan dengan teknologi dan komunikasi. Pada temubual, kami mendapati bahawa ramai pelajar yang menyatakan berita palsu ini berpunca daripada kurangnya budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Apabila kurangnya pembacaan, maka mereka akan mudah percaya dengan berita-berita palsu yang disampaikan tanpa usul periksa. Selain itu, ada juga yang berpendapat bahawa berita terkini begitu cepat tersebar daripada pelbagai pihak yang menimbulkan panik. Rakyat juga mudah untuk melayari internet sehingga tidak tahu sama ada berita yang disampaikan sah atau tidak. Oleh itu, kesedaran daripada pelbagai pihak terutamanya rakyat Malaysia amat penting bagi memastikan negara kita ebas daripada sebarang berita palsu.

#### 5.0 PERANAN AHLI DALAM PENGENDALIAN TUGASAN

Tugasan	Ahli Muhammad Hakim bin Abdul Hamid (148763)	Muhammad Fikry bin Abdul Rahim (146724)	Nur Dihanis Sofea binti MD Rusdi (148536)	Andi Arnaisah binti Andi Arnis (148634)	Nur Athirah binti Che Zambeli (148249)
Pengenalan	✓				

Permasalahan kajian		✓	✓		
Objektif	✓	✓	✓	✓	✓
Kaedah kajian				✓	✓
Borang soal selidik		✓	✓		
Pemerhatian	✓				
Temubual				✓	✓
Pengumpulan dapatan kajian	✓	✓	✓	✓	✓
Analisis dapatan kajian	✓	✓	✓	✓	✓
Kesimpulan					✓
Refleksi	✓	✓	✓	✓	✓
Rujukan	✓				
Penyediaan 'Power Point'			✓		
Penyediaan video pembentangan		✓			
Penyediaan Infografik				✓	